

Sabah, Sarawak bukan 'simpanan tetap' bagi Barisan Nasional

KUALA LUMPUR 25 Julai - Barisan Nasional (BN) tidak seharusnya menganggap Sabah dan Sarawak sebagai 'simpanan tetap' yang secara automatik menyumbang kepada kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Pensyarah Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), **Dr. Jeneri Amir** berkata, secara amnya sokongan rakyat di Sabah dan Sarawak terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah lebih tinggi berbanding kepimpinan peringkat negeri.

Namun, jelas beliau, sokongan pengundi terhadap BN boleh be-



JENERI AMIR



JAYUM ANAK JAWAN



ARNOLD PUYOK

rubah sekiranya beberapa isu terutamanya berkaitan masyarakat pribumi di dua negeri tersebut tidak diberi perhatian sewajarnya.

"Mesti diperbetulkan segala dasar yang tidak betul termasuk dalam soal pembahagian kekayaan dan pe-

lantikan kaum pribumi Sabah dan Sarawak untuk memegang jawatan tinggi kerajaan.

"Secara keseluruhan, BN perlu menunjukkan mereka mampu menjadi sebuah kerajaan yang adil. BN akan terus berkuasa sekiranya masalah dapat diselesaikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi perbincangan bertajuk Sabah dan Sarawak: Simpanan Tetap atau...? pada perbincangan meja bulat bertema PRU13: Malaysia Pilih Siapa? anjuran Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa,

Majlis Profesor Negara di sini hari ini.

Selain Jeneri, ahli-ahli panel sesi tersebut ialah pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM Sabah), Dr. Arnold Puyok dan pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Jayum Jawan manakala Ketua Pengarang Kumpulan *Berita Harian*, Datuk Meor Kamarul Shahid bertindak sebagai moderator.

Dalam pada itu, **Jayum** memberitahu, peningkatan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak tidak seharusnya dipandang ringan pemimpin-pemimpin BN.

Menurut beliau, pengundi di dua negeri berkenaan mahu sokongan

mereka terhadap BN dihargai dan bukannya sekadar dianggap sebagai 'simpanan tetap' sahaja.

"Tindakan meminggirkan kepentingan rakyat di Sabah dan Sarawak akan diterjemahkan dalam bentuk undi pada pilihan raya umum akan datang. Perlu diingatkan, kesetiaan pengundi di dua negeri tersebut tidak terletak kepada parti atau individu tetapi kepada kestabilan politik," ujarinya.

Sementara itu, **Arnold** berkata, keputusan pilihan raya umum akan datang di Sabah bakal ditentukan oleh beberapa faktor termasuk dinamik politik, pemilihan calon dan bilangan calon atau parti yang bertanding di sesebuah kawasan.